



JEMAAH dinasihat agar sentiasa menjaga kesihatan ekoran cuaca panas yang mencecah 47 darjah Celsius ketika ini.



SYED SALEH diberikan taklimat ketika melawat tapak khemah jemaah haji di Arafah dan persiapan operasi Masyair berada pada tahap 80 peratus ketika ini.

Tabung Haji sediakan 278 khemah untuk jemaah di Arafah dan Mina

Hari wukuf ditetapkan 27 Jun ini



**Seruan
Baitullah**

Bersama
**MOHD. TURMAZDI
MADUN**

MEKAH – Hari wukuf di Arafah telah ditetapkan pada 27 Jun ini selepas kerajaan Arab Saudi mengumumkan tarikh 1 Zulhijjah semalam.

Ketua Rombongan Haji, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, Aidiladha pula akan disambut pada keesokan harinya dan pihaknya telah melitigandakan persiapan operasi Masyair yang mana ia telah ter-

sedia pada tahap 80 peratus ketika ini.

Katanya, hampir tiga juta jemaah akan berkumpul di Arafah sebagai kemuncak haji pada tahun ini dan pihak Masyair telah mendirikan khemah baharu yang lebih canggih dan mempunyai teknologi penolakan haba di Arafah untuk keselesaan jemaah Malaysia.

“Sebanyak 278 buah khemah di Arafah dan Mina yang setiap satu boleh memuatkan antara 180 hingga 300 jemaah telah didirikan di dua lokasi tersebut.

“Selain itu, dapur baharu yang lebih tahan lama dan mempunyai pelbagai kemudahan untuk memastikan makanan lebih bersih serta selamat juga dibina pada tahun ini,” katanya pada si-

dang akhbar di sini semalam.

Syed Saleh memberitahu, bungkusan makanan *ready-to-eat* yang dibawa khas dari Malaysia juga akan diedarkan sebanyak tujuh kali sehari berbanding lima pada tahun lepas kepada jemaah.

Dalam pada itu, ketika menjelang mengenai perkembangan operasi haji Malaysia, Syed Saleh memberitahu, seramai 29,212 jemaah telah sampai di Mekah dengan menaiki 95 penerbangan.

Tambahnya, cuaca minimum dan maksimum di Mekah masing-masing dicatatkan pada tahap 28 serta 46 darjah Celsius.

“Seramai 64 jemaah telah dimasukkan di wad dengan 56 di pusat rawatan Tabung Haji, manakala lapan lagi di hospital Arab Saudi. Kesemua pesakit sta-

bil dan petugas perubatan melawat mereka sebanyak dua kali sehari,” jelasnya.

Ujar Syed Saleh, kebanyakan pesakit mengalami jangkitan paru-paru, sendi, tulang, otot, sistem pencernaan, jantung dan kulit.

Tambahnya, dengan hari wukuf berbaki sembilan hari lagi, semua sektor sudah membuat persediaan yang sewajarnya untuk menjayakan operasi Masyair.

“Setiap maktab ketika ini sedang memberikan taklimat mengenai pergerakan Masyair kepada jemaah dan setiap mereka akan diberikan nombor khemah seperti yang dilakukan ketika mendaftar masuk ke hotel ketika tiba di sini,” ujarnya.

Menurut Syed Saleh, nombor

itu perlu dilekatkan pada kad nama masing-masing supaya mereka tidak keliru dan memudahkan petugas memberikan pandu arah.

“Kita berharap persiapan akan mencapai 100 peratus menjelang Masyair. Jemaah dinasihatkan supaya bersedia untuk berwukuf dan melaksanakan ibadah di Muzdalifah serta Mina,” katanya.

Tambah Syed Saleh, penjagaan kesihatan perlu diutamakan kerana tujuan mereka ke sini ialah untuk berwukuf.

“Jemaah haji perlu menyimpan tenaga mulai sekarang kerana ia akan diperlukan kelak. Jemaah akan tertekan, kurang tidur dan berdepan cuaca panas yang akan memberi kesan kepada kesihatan,” katanya